

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kadar muflis golongan belia di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengurangkan kadar muflis di kalangan belia pada hari ini.

**JAWAPAN : (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kebangkrapan yang direkodkan dari 2016 hingga bulan Mei 2020 ialah 68,939 kes. Kadar kebangkrapan bagi golongan belia (berumur 34 tahun dan ke bawah) ialah sebanyak 17,555 kes bersamaan dengan 25.46%.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kadar kebangkrapan di kalangan belia pada masa kini. Namun, cara yang terbaik untuk mengelak daripada kebangkrapan ialah melalui kesedaran individu belia itu sendiri dan masyarakat tentang risiko atau kesan daripada perintah kebangkrapan. Kesedaran ini dapat diterap melalui pendidikan dan pendekatan perbelanjaan yang berhemah.

Bagi membantu mengurangkan kadar kebangkrapan, Kerajaan melalui Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang isu muflis dengan melaksanakan program bersama masyarakat (*outreach programme*) serta Mdl Prihatin. Program ini bertujuan untuk

NO SOALAN : 48

menyampaikan maklumat, memberikan pendidikan dan mewujudkan kesedaran kepada orang awam khususnya golongan belia. Ianya termasuklah taklimat dan ceramah kesedaran mengenai isu muflis kepada agensi-agensi awam, swasta, orang awam dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi menerangkan kesan dan akibat daripada perintah kebangkrapan. Ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada golongan belia dan pelajar institusi pengajian tinggi supaya masalah ini dapat ditangani di peringkat awal lagi.

Selain itu, Kerajaan juga melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah mengadakan program-program untuk memberi kesedaran tentang isu muflis. Program ini juga melibatkan perancangan kewangan kepada semua golongan supaya dapat menangani masalah pengurusan kewangan di peringkat pra kebangkrapan. Pengurusan kewangan yang berhemah akan menjamin kedudukan kewangan di tahap yang terbaik. Melalui program ini akan dapat membantu golongan belia khususnya untuk berbelanja secara berhemah dan bijak dalam pengurusan kewangan bagi mengelakkan kemuflian.

Sekian, terima kasih.